

CABARAN MUALAF DI MALAYSIA DAN CADANGAN PENYELESAIAN

THE CHALLENGE OF CONVERTS IN MALAYSIA AND PROPOSED SOLUTION

Mohd Zulfikaar Azizi Bin Aliakbar^{1*}, Zaifuddin Md Rasip¹

¹ Universiti Malaysia Sabah, zulfikaarazizi@ums.edu.my.

¹ Universiti Malaysia Sabah, zaifuddindr@gmail.com

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

Selepas Pembetulan: 30 April 2024

Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Golongan mualaf merupakan mereka yang melalui proses perpindahan agama iaitu asalnya bukan beragama Islam lalu membuat keputusan untuk memeluk Islam. Kesan daripada proses perpindahan tersebut, golongan mualaf sering ditimpa pelbagai cabaran sebagai seseorang yang baru sahaja mendapat status 'muslim'. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf di Malaysia. Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif menggunakan kajian kepustakaan untuk mengenalpasti kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan cabaran yang dihadapi oleh mualaf di pelbagai kawasan berbeza. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh golongan mualaf di seluruh Malaysia antaranya seperti proses pengislaman yang sukar, gangguan emosi dan mental, kesukaran menyesuaikan cara hidup Islam, penerimaan keluarga, persepsi masyarakat, krisis kewangan, kurang penghayatan agama, cabaran aksesibiliti, dan kekurangan tenaga pengajar tempatan. Pengkaji turut mencadangkan agar semua umat Islam mengambil cakna mengenai cabaran yang dihadapi golongan mualaf kerana mereka sangat memerlukan bimbingan dan sokongan daripada semua pihak. Dapatan kajian ini penting untuk memberi gambaran kepada semua masyarakat Islam dan agensi dakwah yang berkenaan tentang isu yang berlaku dalam kalangan mualaf agar suatu perancangan sistematik dapat dilaksanakan.

Kata kunci

Mualaf, Islam, Cabaran.

Abstract

Mualaf are those who go through the process of religious conversion. They were originally non-Muslim and then decided to embrace Islam. As a result of the migration process, converts are often faced with various challenges as someone who has just

gained the status of 'Muslim'. Therefore, the purpose of this study is to identify the challenges faced by converts in Malaysia. This study will be conducted qualitatively using a literature review to identify past studies that have been conducted related to the challenges faced by converts in various different areas. The researcher suggested that all Muslims take note of the challenges faced by the converts because they are in dire need of guidance and support from all parties. The findings of this study are important to give an overview to all Islamic communities and da'wah agencies concerned about the issues that occur among converts so that a systematic plan can be implemented.

Keywords:

Mualaf, Islam, Challenges.

1.0 Pendahuluan

Sirah membuktikan bahawa Islam berkembang secara berperingkat. Rasulullah S.A.W. memulakan dakwah secara bersembunyi selama 3 tahun kemudian berdakwah secara terbuka selama 10 tahun di Mekah disambung lagi selama 10 tahun di Madinah. Sepanjang tempoh tersebut, golongan yang menerima Islam terdiri daripada keluarga terdekat, kaum kerabat, para sahabat, dan akhirnya masyarakat awam secara umumnya. Proses pemeluk agama Islam terus berlaku bermula sejak baginda SAW berdakwah di Mekah sehinggalah terbentuknya masyarakat Islam di Madinah. Hal ini membuktikan bahawa penukaran agama merupakan proses yang penting sepanjang gerak kerja dakwah dijalankan sekaligus menyumbang kepada kekuatan ummah. Proses ini tidak terhenti pada zaman Rasulullah S.A.W. sahaja namun ianya berterusan sehingga ke hari ini apabila kita menyaksikan pertambahan saudara baharu ataupun disebut sebagai mualaf menjadi sebahagian daripada umat Islam.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif menggunakan kajian kepustakaan untuk mengenalpasti kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan cabaran yang dihadapi mualaf di Malaysia. Bahan-bahan kajian yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder seperti jurnal, artikel, majalah, buku serta tesis akan dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi menyempurnakan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan meneliti dapatan kajian lepas berkenaan cabaran mualaf di Malaysia serta membuat kesimpulan dan saranan berdasarkan maklumat yang diperoleh.

3.0 Definisi Mualaf

Umumnya seseorang individu akan disebut mualaf apabila mereka yang asalnya bukan beragama Islam lalu membuat keputusan untuk memeluk Islam. Ahli psikologi agama mendefinisikan istilah mualaf sebagai suatu kumpulan yang terlibat dalam konversi agama iaitu seseorang individu yang mengalami proses perpindahan, penukaran, atau perubahan. Seseorang itu dikira sah sebagai seorang Muslim apabila selesai mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi yang boleh diterima kesaksiannya (Suraya Sintang, 2005: 53). Gelaran mualaf sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Malaysia bagi mereka yang baru memeluk

Islam. Boleh dikatakan bahawa majoriti rakyat Malaysia memahami maksud perkataan tersebut walaupun mereka bukan beragama Islam.

Tambahan lagi, individu yang memeluk Islam dikalangan mereka yang bukan berketurunan Melayu masih disebut sebagai mualaf walaupun mereka sudah memeluk Islam sejak sekian lama misalnya 10 hingga 15 tahun (Irwan *et al.*,2015: 130). Hal yang sama juga terpakai di negeri Sabah kerana setakat ini belum ada had pengukuran bagi golongan mualaf. Oleh itu sesiapa sahaja yang asalnya bukan beragama Islam dan kini memeluk Islam maka individu tersebut disebut sebagai mualaf di Sabah walaupun sudah memeluk Islam sejak sekian lama.

Mualaf daripada sudut bahasa mempunyai pelbagai definisi yang berbeza. Kebanyakan tafsiran perkataan mualaf semuanya bersumberkan kepada ayat ke-60 dalam Surah At-Taubah;

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

“ Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Surah At-Taubah (9):1

Dalam ayat tersebut jelas disebutkan perkataan mualaf “وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ” yang bermaksud bahawa mualaf merupakan salah seorang daripada golongan yang berhak menerima zakat. Seterusnya, mualaf didefinisikan sebagai seorang yang baru memeluk Islam (Mohammad & Nor Aini, 2023: 28) manakala menurut Imam Syafie mualaf merupakan seseorang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam (Irwan *et al.*,2015: 119). Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam pula, mualaf ditafsirkan sebagai seseorang yang baru memeluk agama Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara jelas dan individu tersebut sedar akan maksud perkataan tersebut serta pengucapan yang dibuat adalah dengan rela hati individu itu sendiri tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak (Nor Alhana *et al.*, 2022). Berdasarkan definisi-definisi yang disenaraikan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa seseorang individu yang asalnya bukan beragama Islam lalu memilih untuk memeluk Islam serta sudah melafazkan dua kalimah syahadah dan dilihat oleh dua orang saksi maka individu tersebut digelar sebagai mualaf.

4.0 Cabaran Umum Mualaf Di Malaysia

Golongan mualaf yang baru sahaja memeluk Islam pasti akan menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Situasi ini sudah berlaku sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi

semasa menyebarkan Islam. Misalnya baginda dan keluarganya dihina, dikeji, difitnah, dipulaukan, dan pelbagai lagi bentuk kejahatan diperlakukan kepada sosok tubuh baginda Rasulullah SAW. Para sahabat juga tidak terlepas daripada menerima pelbagai macam bentuk ujian yang berat. Sebagai contoh kisah daripada seorang sahabat baginda bernama Habib bin Zaid, seorang pemuda Islam yang bersemangat untuk turut serta bersama Rasulullah SAW di dalam peperangan. Seheinggakan pada satu hari, apabila Habib ditangkap dan diseksa oleh Musailamah Al-Kazzab untuk mendustakan Rasulullah SAW namun Habib tetap tidak menuruti arahnya. Akhir sekali, Habib bin Zaid meninggal dunia dalam keadaan kedua belah tangan dan kakinya telah dipotong (Mohd Faiz, 2017).

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh mualaf di Malaysia. Antaranya adalah proses pengislaman yang sukar, gangguan emosi dan mental, kesukaran menyesuaikan cara hidup Islam, penerimaan keluarga, persepsi masyarakat, krisis kewangan, kurang penghayatan agama, cabaran aksesibiliti, dan kekurangan tenaga pengajar tempatan.

4.1 Proses Pengislaman yang Sukar

Gerak kerja dakwah dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat sentiasa berjalan dengan pesat di seluruh negara. Hasil kerjasama di antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) sangat memberi kesan positif dalam menambah bilangan mualaf di segenap kawasan tidak kira bandar mahupun luar bandar. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang mempunyai undang-undang dan perlembagaan maka proses kemasukan Islam bagi seseorang individu tidak terhenti sekadar mengucapkan dua kalimah syahadah dan dihadiri oleh dua orang saksi. Setiap individu yang memeluk agama Islam sama ada mereka diislamkan oleh mana-mana NGO mahupun individu persendirian, individu yang diislamkan tersebut perlu mengikuti proses perundangan seterusnya agar mereka dapat didaftarkan sebagai seorang yang sah beragama Islam. Setiap negeri di Malaysia bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing. Pihak yang berautoriti bagi menguruskan hal ehwal mualaf adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Siti Adibah, 2018: 97).

Menurut hasil kajian lepas, terdapat keluhan di kalangan mualaf bahawa proses untuk memeluk Islam yang dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Negeri merupakan suatu perkara yang rumit dan mempunyai proses yang panjang. Bukan itu sahaja, syarat-syarat yang dikenakan juga banyak sebelum mereka disuruh mengucap dua kalimah syahadah (Azman *et al.*, 2015: 141). Ada di antara mualaf yang terpaksa datang berulang kali ke pejabat agama kerana terdapat syarat-syarat yang tidak berjaya dipenuhi. Antara syarat yang dibincangkan adalah berkenaan pemilihan saksi dan sebutan dua kalimah syahadah dengan tepat. Umum mengetahui bahawa golongan mualaf merupakan mereka yang baru sahaja memeluk Islam. Justeru sudah pasti mereka masih mempunyai masalah untuk menyebutkan kalimah-kalimah Arab dengan makhraj dan sebutan yang sempurna. Sewajarnya pihak JAIN mempertimbangkan untuk meringkankan syarat-syarat tertentu untuk memudahkan urusan saudara-saudara baharu kita untuk didaftarkan sebagai seorang muslim.

4.2 Gangguan Emosi Dan Mental

Proses untuk membiasakan diri sebagai seorang individu muslim memerlukan suatu tempoh masa tertentu. Dalam proses tersebut, mereka akan menghadapi gangguan dari segi emosi dan mental. Sebahagian daripada kalangan mualaf menghadapi

masalah kurang motivasi diri setelah memeluk agama Islam (Syarul Azman, 2017: 6). Mereka juga mengalami tekanan psikologi sebelum dan selepas mereka membuat keputusan memeluk Islam (Kamarulzaman, 2020: 33). Seterusnya menurut Rosmani (2004), antara masalah dalaman yang serius dialami oleh golongan mualaf adalah perasaan rendah diri terhadap agama baharu. Beberapa faktor yang mendorong kepada perasaan tersebut adalah kerana tidak mengetahui ilmu asas agama terutamanya ilmu fardhu ain seperti tatacara solat, membaca al-Quran, dan lain-lain (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Sebagai contoh, ada di kalangan mualaf yang berkeinginan untuk mempelajari al-Quran namun tidak bersedia untuk bersosial dengan masyarakat Islam sekitar disebabkan berasa segan.

4.3 Kesukaran Menyesuaikan Cara Hidup Islam

Menjadi seorang muslim mewujudkan suasana dan perasaan yang baharu bagi diri mualaf. Sepanjang menjalani proses untuk membiasakan diri, mereka perlu menghadapi pelbagai jenis kesukaran terutamanya dalam mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar. Hal ini kerana, golongan mualaf sudah terbiasa dengan cara hidup agama asal mereka yang 'tiada peraturan' ketat ditetapkan (Kamarulazman, 2020: 36). Misalnya mereka boleh memakan hampir kesemua makanan tanpa perlu memikirkan sumbernya, cara sembelihan, cara pembersihan, mempunyai kandungan alkohol atau tidak dan sebagainya. Setelah mereka memeluk Islam, mereka perlu meneliti semula hukum hakam yang ditetapkan agar segala perbuatan mereka tidak salah di sisi syarak.

Selain itu, golongan mualaf sering menghadapi isu yang melibatkan cara berpakaian, pemilihan makanan, pengamalan budaya dan adat resam yang menyalahi syariat dan sebagainya. Isu-isu sedemikian sering membuatkan mereka berasa segan untuk berhadapan dengan masyarakat Islam asal di luar sana. Ada juga diantara mualaf yang bersungguh untuk menutup aurat dengan sempurna, namun disebabkan perubahan tersebut orang sekeliling melabelkan diri mereka sebagai 'alim, dan terlalu beragama (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022: 340). Disebabkan perkara-perkara sedemikian maka golongan mualaf mempunyai kesukaran untuk mengamalkan gaya hidup Islam secara keseluruhan. Seterusnya berdasarkan kajian yang dijalankan Razaleigh (2016), beliau mendapati bahawa tiga cabaran utama yang dihadapi mualaf dalam usaha untuk mengamalkan budaya hidup Islam adalah sukar untuk istiqamah beramal dengan Islam, sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan Islam, dan sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab.

4.4 Penerimaan Keluarga

Keluarga merupakan suatu organisasi terkecil dalam masyarakat di sesebuah negara. Keluarga terdiri daripada beberapa orang yang umumnya terdiri daripada ibu, ayah, saudara kandung, datuk, nenek, sepupu, dan lain-lain. Lumrahnya, seorang anak akan mempunyai hubungan yang sangat erat dengan keluarganya berbanding masyarakat awam yang luas (Mutia & Na'imah: 2020: 21). Oleh yang demikian, golongan mualaf semestinya perlu menghadapi cabaran daripada keluarga sendiri kerana mereka merupakan orang terdekat.

Antara masalah yang dialami oleh mualaf pada fasa awal setelah memeluk Islam adalah untuk memberitahu pengislaman mereka kepada ahli keluarga. Hal ini kerana, kebanyakan daripada keluarga mualaf sangat sukar untuk menerima bahawa anak mereka memilih untuk menukar agama. Hati keluarga mereka masih belum terbuka untuk menerima perkhabaran tersebut (Siti Aishah *et al.*, 2021: 25). Ini

merupakan salah satu fasa yang paling mencabar bagi mualaf kerana mereka sangat rasa bersalah dan risau ditolak oleh ahli keluarga. Terdapat juga kes dikalangan mualaf yang tidak mendapat sokongan moral daripada keluarga, dihalang tinggal bersama keluarga, dan diperli oleh keluarga mertua yang beragama Islam asal (Azman et al., 2015: 143)

Seterusnya, Razaleigh (2016) telah menjalankan kajian berkenaan cabaran yang dihadapi oleh mualaf di dalam keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua cabaran utama yang mereka hadapi iaitu disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam dan mereka dilabel sebagai masuk Melayu. Bukan itu sahaja, ada juga sebahagian mualaf yang dipulaukan keluarga, tidak diakui sebagai anak kandung, terputus hubungan kekeluargaan, terputus sumber kewangan, dikurung di dalam rumah, dipukul kerana tidak keluar Islam, hilang pewarisan harta pusaka, dan lebih parah ada yang mendapat ugutan bunuh. Nor Arfah & Abd Hakim (2022) pula membuktikan bahawa ada di kalangan keluarga kandung mualaf yang bersikap Islamofobia. Hal ini dibuktikan apabila keluarga mualaf tersebut berasa sangat kecewa dan kesal apabila anak mereka memeluk Islam kerana agama tersebut sangat dibenci oleh mereka dan dianggap sebagai pengganas. Golongan mualaf ini juga dianggap telah berlaku khianat dan mencemarkan keturunan keluarga.

4.5 Persepsi Masyarakat

Proses perpindahan agama kepada Islam akan mengubah gaya hidup seseorang mualaf. Perubahan tersebut secara langsung akan mewujudkan pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat yang melihat tidak kira sama ada masyarakat bukan bergama Islam mahupun yang beragama Islam asal. Berdasarkan kajian-kajian yang pernah dijalankan, golongan mualaf sentiasa mendapat pelbagai persepsi negatif daripada kelompok-kelompok tertentu.

Kamarulzaman & Nur A'thiroh (2020) mendapati bahawa sebahagian daripada masyarakat Islam meletakkan syarat bahawa golongan mualaf mestilah mengamalkan cara hidup Islam sepenuhnya termasuklah budaya orang Melayu sebagai syarat mereka diterima sebagai saudara baharu. Sikap sedemikian sering mewujudkan salah faham di antara umat Islam dan juga golongan mualaf yang masih belum dapat membiasakan diri sepenuhnya sebagai seorang muslim (Tengku Norhayati, 2006).

Selain itu, golongan mualaf juga dianggap sebagai masyarakat kelas rendah (*lower class*) dan kelas kedua (*second class*) kerana mereka baru sahaja memeluk Islam. Bukan itu sahaja, sebahagian masyarakat Islam meminggirkan golongan mualaf dan lebih mengutamakan mereka yang Islam asal. Antara isu lain yang perlu dihadapi oleh mualaf adalah tanggapan negatif daripada masyarakat khususnya mereka yang rapat dengan mualaf sebelum memeluk Islam. Keputusan mereka untuk memeluk Islam sering dipersoalkan. Ada yang menganggap bahawa mereka mempunyai motif tertentu, masuk Melayu, dan lain-lain (Kamarulzaman & Nur A'thirah, 2020). Sedangkan, ada di kalangan mualaf yang benar-benar tulus ingin memeluk Islam bukan sekadar ingin berkahwin tetapi kerana dirinya percaya bahawa tuhan itu wujud (Azarudin, 2022). Akhir sekali, layanan buruk yang diberikan oleh sesetengah masyarakat Islam terhadap mualaf menyebabkan ada dikalangan mereka yang terdetik untuk kembali semula kepada agama asal (Siti Aishah et al., 2021).

4.6 Krisis Kewangan

Seterusnya, salah satu cabaran yang dihadapi oleh ramai mualaf adalah masalah kewangan yang kritikal. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mereka ditimpa pelbagai cabaran seperti dipulaukan oleh keluarga, diboikot oleh rakan terdekat, diejek, dipandang sebagai pengkhianat dan sebagainya. Perkara-perkara tersebut memberi kesan kepada sumber kewangan dan pendapatan mualaf. Misalnya, ada di kalangan mualaf yang sebelum ini mendapat bantuan kewangan daripada keluarga namun selepas memeluk Islam bantuan tersebut disekat sepenuhnya (Razaleigh, 2016). Terdapat juga di kalangan mualaf yang menghadapi masalah kewangan kerana kehilangan kerja dan kematian suami (Azman *et al.*, 2015). Para isteri yang diuji dengan kematian suami terpaksa mengambil tanggungjawab sebagai ibu tunggal untuk menyara keluarga. Oleh itu, mereka tidak mempunyai masa untuk hadir ke kelas-kelas bimbingan mualaf kerana sekiranya mereka pergi ke kelas tersebut maka mereka akan hilang pendapatan pada hari berkenaan (Kamarulzaman & Nur A'thirah, 2020).

Berdasarkan kajian Asma' dan Azarudin (2020), ada di kalangan responden mualaf yang mengakui bahawa beliau sentiasa memikirkan bagaimana untuk mendapatkan wang yang cukup untuk menampung keluarganya. Setiap hari beliau hanya memikirkan soal kewangan kerana kesempitan hidup yang dialami ditambah pula beliau merupakan seorang ketua keluarga yang mempunyai tanggungjawab menyara keluarga. Disebabkan kemiskinan tersebut, beliau tidak mempunyai masa untuk pergi ke kelas-kelas bimbingan mualaf ataupun mencari ilmu agama secara berfokus.

Faktor lain yang menyebabkan golongan mualaf kehilangan punca pendapatan adalah kerana terpaksa berhenti kerja. Hal ini kerana, pekerjaan mereka sebelum memeluk Islam adalah pekerjaan yang haram dan salah di sisi syarak seperti bekerja di kedai judi, kedai penjualan arak, kelab-kelab malam dan sebagainya. Sebahagian mualaf pula terpaksa berhenti kerja setelah memeluk Islam kerana mendapat tentangan kuat daripada majikan yang bukan beragama Islam (Siti Fatimah *et al.*, 2018). Kehilangan tuntutan harta pusaka turut berlaku dalam kalangan mualaf. Perkara ini terjadi kerana sebahagian daripada keluarga kandung mualaf sangat membenci agama Islam dengan anggapan agama Islam hanya untuk orang Melayu (Kamarulzaman & Nur A'thirah, 2020). Ini menyebabkan harta yang sepatutnya diwariskan kepada mereka tidak dapat dituntut walaupun mereka merupakan anak kandung keluarga tersebut.

5.7 Kurang Penghayatan Agama

Golongan mualaf yang baru sahaja memeluk Islam ibarat anak-anak yang masih kecil yang tidak mempunyai pengetahuan agama. Oleh yang demikian, mereka diwajibkan untuk mengikuti kelas-kelas bimbingan mualaf yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan juga kelas-kelas yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diiktiraf sah. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian daripada kalangan mualaf yang kurang menghayati Islam sepenuhnya atas pelbagai faktor. Perkara sebegini amat berbahaya kerana kegagalan mualaf memahami Islam boleh menyebabkan mereka kembali kepada agama asal serta berlakunya salah faham terutamanya berkenaan isu-isu akidah (Mohd Farhan, 2006).

Antara faktor yang menyebabkan kurangnya penghayatan agama dalam kalangan mualaf adalah kerana pengetahuan mereka berkenaan Islam adalah sangat minima (Asma' & Azarudin, 2021). Masalah ini turut memberi impak negatif kepada anak-anak apabila ibu bapa yang bergelar mualaf tidak mampu untuk memberi

didikan berkenaan agama Islam kepada mereka walaupun perkara-perkara yang asas seperti solat, membaca Al-Quran, puasa, dan sebagainya. Abd Hakim et al., (2016) turut membuktikan dalam kajiannya bahawa sebahagian daripada mualaf mengalami kesukaran untuk melaksanakan tuntutan Islam seperti solat lima waktu, puasa dan membaca al-Quran kerana mereka masih kurang memahami tentang tatacara pelaksanaan ibadah yang benar. Bukan sekadar itu, Sarip Adul (2014) dalam kajiannya turut mendapati bahawa masih ramai mualaf yang yang tidak memahami maksud beberapa perkataan asas dalam ilmu fiqh seperti najis 'mughallazah', 'hadanah', 'faraid' dan lain-lain.

Selain itu, terdapat juga keluhan daripada mualaf bahawa modul pendidikan mualaf yang disediakan masih perlu ditambahbaik kerana masih terdapat kelemahan. Misalnya menurut Razaleigh (2016), terdapat kurikulum yang disediakan oleh JAIN yang kurang membantu saudara baharu dalam memahami dan menghayati intipati ajaran Islam dengan sempurna. Kenyataan ini disokong oleh Azman et al., (2015) yang mencadangkan agar pejabat agama merangka suatu modul yang memberi penekanan kepada asas tauhid. Hal ini kerana, salah seorang mualaf yang ditemubual beliau mengadu berkenaan kurangnya penekanan tauhid dalam kelas bimbingan mualaf menyebabkan dirinya tertanya mengenai keberadaan Tuhan, mengapa Tuhan tidak boleh dilihat, apa yang ingin disembah, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, antara perkara yang perlu diambil berat adalah pemilihan asatizah yang mempunyai kefahaman agama yang benar. Hal ini kerana, sebahagian mualaf menghadapi kekeliruan untuk mengamalkan ajaran Islam berpunca daripada fahaman para asatizah yang berbeza-beza (Nurwati & Azizan, 2019).

Seterusnya, Suraya Sintang et al., (2018) mengatakan bahawa antara punca seseorang mualaf itu kurang pengetahuan agama adalah kerana sikap dan keperibadian saudara baharu tersebut sendiri. Ada di kalangan mualaf yang tidak berinisiatif untuk mencari pengetahuan tentang Islam, kurang kesungguhan dalam melaksanakan perintah Allah, pasangan yang tidak bertanggungjawab dalam memberi didikan Islam dan lain-lain. Beliau menyimpulkan di dalam kajiannya bahawa masalah sikap yang paling menonjol adalah individu mualaf tersebut tidak bersungguh dalam mencari ilmu agama dan menganggap ajaran Islam kurang penting. Selain daripada masalah sikap, antara punca yang turut menyebabkan golongan mualaf tidak hadir ke kelas-kelas bimbingan yang disediakan adalah kerana terikat dengan komitmen kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga masing-masing (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

4.8 Cabaran Aksesibiliti

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia telah berusaha sebaik mungkin untuk memberikan pendidikan Islam kepada mualaf melalui kelas-kelas bimbingan mualaf yang dilaksanakan di pusat-pusat latihan yang terpilih. Sebagai contoh di negeri Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) melalui bahagian dakwah telahpun menjalankan kelas bimbingan khusus untuk mualaf. Antara pusat bimbingan yang disediakan adalah Teratak Fitrah di Kota Kinabalu dan terdapat juga pusat-pusat bimbingan mualaf di daerah lain melibatkan kerjasama di antara JHEAINS dan badan-badan dakwah terpilih.

Walaupun bagaimanapun, lokasi kelas-kelas bimbingan mualaf kebiasaannya sangat jauh daripada kawasan pedalaman (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Oleh yang demikian, kajian-kajian lepas mendapati bahawa cabaran aksesibiliti dalam kalangan mualaf kebanyakannya didapati berlaku kepada golongan mualaf di dua

negeri terbesar di Malaysia iaitu di Sabah dan Sarawak disebabkan faktor muka bumi yang berbeza berbanding Semenanjung Malaysia.

Antara cabaran yang dialami adalah ramai daripada kalangan mualaf yang tinggal di luar bandar tidak berkemampuan untuk turut serta menghadiri kelas-kelas bimbingan mualaf di bandar kerana ianya akan melibatkan kos pengangkutan yang tinggi (Suraya Sintang *et al.*, 2018). Masalah kemudahan asas yang kritikal seperti masalah bekalan air, keadaan jalan yang teruk, masalah bekalan elektrik, dan juga lokasi geografi yang jauh turut menjadi punca yang menyebabkan program pendidikan Islam amat kurang di kawasan luar bandar. Situasi ini menyebabkan sebahagian daripada mualaf memberi harapan yang terlalu tinggi kepada pihak kerajaan agar datang ke kawasan-kawasan pedalaman untuk memberikan pendidikan agama yang sepatutnya kepada mereka.

4.9 Kekurangan Tenaga Pengajar Tempatan

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pihak JAIN bersama dengan badan-badan dakwah yang bertanggungjawab telah berusaha sebaik mungkin untuk memberikan bimbingan pendidikan Islam kepada semua golongan mualaf. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani antaranya adalah kekurangan tenaga pengajar. Perkara ini menyebabkan berlakunya kerumitan dan masalah dalam memberikan bimbingan yang sempurna kepada saudara-saudara baharu (Abd Hakim & Ros Aiza, 2016).

Kamarul Azman & Nur A'thirah (2020) juga mendapati bahawa golongan mualaf lebih mudah menerima dakwah yang disampaikan oleh orang tempatan kerana kefasihan bahasa mereka, pengetahuan berkaitan budaya setempat, dan pengalaman beragama yang tinggi. Azman *et al.*, (2015) juga memberi cadangan agar pejabat agama menyediakan tenaga pengajar daripada pelbagai kaum seperti Cina, India, Iban, dan sebagainya agar penyampaian ilmu dapat diberikan dengan lebih efektif.

5.0 Cadangan Dan Saranan

Berdasarkan isu-isu yang disenaraikan di atas, terdapat beberapa cadangan daripada penulis kepada semua pihak agar cabaran yang dihadapi oleh mualaf dapat ditangani secara bersama. Berikut adalah cadangan daripada penulis:

1. Golongan mualaf perlulah mempunyai kesungguhan dalam mencari ilmu agama (Suraya Sintang *et al.*, 2018). Perkara ini amat penting kerana dengan adanya ilmu maka seseorang mualaf akan mempunyai keyakinan diri untuk berdepan dengan masyarakat Islam yang lain. Mempunyai pengetahuan ilmu agama juga akan meningkatkan motivasi diri mualaf dan secara tidak langsung akan mewujudkan kestabilan emosi dan mental.
2. Sokongan sosial perlu diberikan kepada mualaf (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Hal ini kerana, setelah memeluk Islam mualaf akan menerima pelbagai cabaran tidak kira sama ada cabaran luaran mahupun dalaman. Semua pihak bertanggungjawab untuk membantu golongan mualaf menjalani kehidupan sebagai seorang Islam sehinggalah mereka yakin untuk hidup berdikari.
3. Jabatan Agama Islam di setiap negeri perlu meneliti semula proses pengislaman mualaf yang ditetapkan (Azman *et al.*, 2015). Syarat-syarat yang dikenakan

kepada mualaf yang baru memeluk Islam perlu disemak sebaik mungkin agar tidak menyukarkan mereka sehinggakan merasa Islam adalah agama yang sukar.

4. Jabatan Agama Islam Negeri perlu bekerjasama dengan badan-badan dakwah yang terlibat untuk memastikan golongan mualaf mendapat bimbingan agama melalui kelas-kelas yang dianjurkan. Semakan kehadiran dan pemantauan berkala perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah sebahagian mualaf yang tidak hadir ke kelas-kelas yang diwajibkan (Suraya Sintang *et al.*, 2018).
5. Suatu *task force* perlu diwujudkan secara khusus untuk melaksanakan kelas pendidikan Islam bagi mualaf di kawasan pedalaman dan luar bandar (Suraya Sintang *et al.*, 2018). Sekiranya golongan mualaf di luar bandar tidak mendapat bimbingan agama secara berterusan, dikhawatiri mereka akan keluar daripada Islam dan kembali kepada agama asal.
6. Golongan mualaf perlu diberi maklumat mengenai bantuan kewangan yang disediakan oleh jabatan agama, pusat zakat, ataupun mana-mana agensi yang menawarkan bantuan (Kamarulzaman & Nur A'thiroh, 2020). Hal ini kerana, krisis kewangan merupakan salah satu cabaran besar yang sering dialami oleh mualaf.
7. Silibus kelas bimbingan mualaf yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri perlulah memberikan fokus kepada aspek akidah disamping turut memberi penekanan ilmu fardhu ain (Azman *et al.*, 2015). Hal ini kerana terdapat mualaf yang masih keliru berkenaan soal akidah dan konsep ketuhanan dalam Islam.
8. Suatu institut mualaf perlu dibina untuk dijadikan sebagai hub ilmu pengetahuan Islam bagi golongan mualaf di setiap negeri. Kompleks khas tersebut amat penting sekiranya terdapat sebarang kursus ataupun bengkel yang penting untuk dilaksanakan. Pembangunan sebuah institut mualaf sangat penting untuk meningkatkan tahap pendidikan agama serta penghayatan mereka terhadap ajaran Islam (Nurwati & Azizan, 2019).
9. Pihak Jabatan Agama perlu menambah lebih banyak tenaga pengajar di pusat-pusat bimbingan mualaf khususnya di kawasan pedalaman dan kampung-kampung (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Tenaga pengajar yang dipilih sebaiknya daripada kalangan saudara baharu sendiri dan juga orang tempatan agar ilmu yang disampaikan mudah difahami.

6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, sudah menjadi sunnatullah bahawa golongan mualaf akan menerima pelbagai cabaran dan dugaan yang berat dalam kehidupan masing-masing. Boleh dikatakan bahawa golongan mualaf perlu menghadapi cabaran daripada segenap sudut setelah memeluk Islam sama ada cabaran terhadap diri sendiri, cabaran daripada keluarga tersayang, dan juga persepsi dan penerimaan masyarakat sekitar. Walaupun pelbagai cabaran telah dinyatakan dalam kajian ini, golongan mualaf didapati tidak menyesal dengan keputusan mereka untuk memeluk Islam bahkan sebahagian daripada mereka menjadi semakin bersemangat untuk mendalami Islam apabila mendapat pelbagai dugaan. Umat

Islam juga perlu memberikan sokongan sosial kepada golongan mualaf agar mereka mempunyai motivasi dan semangat untuk terus beramal dengan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Pihak yang bertanggungjawab perlu sama-sama berganding bahu untuk memberikan khidmat terbaik dalam memastikan golongan mualaf mendapatkan bantuan yang sewajarnya.

Rujukan

- Azarudin Awang, Ruhaizah Abdul Ghani, Razali Musa, Azman Che Mat. 2022. The Challenges of Mixed Marriage in Malaysia from Mualaf's Circle. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*. Jilid 11, No.6, 203-216.
- Asma' Fakhruddin & Azarudin Bin Awang. 2020. Sorotan Literatur Terhadap Cabaran Pendidikan Islam Anak-Anak Mualaf di Malaysia. *Jurnal Al-Irsyad*. Jilid 5, No.2, 444-455.
- Asma' Fakhruddin & Azarudin bin Awang. 2021. Keberkesanan Pendidikan Islam bagi Anak-Anak Mualaf: Analisis Keperluan. *1st International Muamalat Conference (I-MAC)*.
- Azman Ab.Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib @ Taib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim & Norlina Ismail. 2015. Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research (JFATWA)*. Jilid 6, No.1, 135-148.
- Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2016. Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Jilid 1, No.2, 151-166.
- Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan A. Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Nusaibah Anuad Musaddad, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Norlina Ismail. 2015. Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf Dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 114-115.
- Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. 2020. Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Jilid 3, Bahagian 2, 28-43.
- Mohd Farhan Abdullah. 2006. Kristianisasi dan Gejala Murtad di Malaysia. Seri Kembangan, Selangor: *Al-Khidmah Resources*.
- Mohammad Noorazlan Md Ismail & Nor Aini Ali. 2023. Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf. *Al-Basirah Journal*. Jilid 13, No.1, 25-41.
- Mutia Ulfa & Na'imah. 2020. Peran Keluarga dalam Konsep Psikologi Perkembangan Anak Usia Dini. *Aulad: Journal on Early Childhood*. Jilid 3, No.1, 20-28.
- Nor Alhana Abd Malik, Razizi Tarmuji, Musaiyadah Ahmadun & Sharifah Sari Datu Asal. 2022. *Sinergisme Filantropi Islam Kontemporari di Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
- Nor Arfah Mohd. Mazlan & Abd Hakim Mohad. 2022. Cabaran Mualaf dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Kes di Mukah, Sarawak,

- Malaysia. Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022), 19 Oktober 2022.
- Nurwati A. Ahmad Zaluki & Azizan Abdul Rahman. 2019. Muallaf: Permasalahan dan Cadangan Penyelesaian. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy (IJZIP)*. Jilid 2, Bil.1, 229-236.
- Rosmani Hussin. 2004. *Modul Bimbingan Saudara Baru: Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)*. (Tesis Sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2016. Pembangunan Dakwah Muallaf di Malaysia: Cabaran dalam Masyarakat. *1st International Keynote Speech on Muallaf Development and Empowerment (DE MUALAF)*.
- Siti Aishah Yahya, Norhasima Abdullah, Suzyliana Mamat, Atini Alias, Nor Azilah Johari. 2021. Hubungan Penghayatan Agama dan Sokongan Sosial Terhadap Tekanan dalam Kalangan Muallaf di Melaka. *Jurnal 'Ulwan*. Jilid 6, Bil.1, 22-38.
- Suraya Sintang *et al.* 2018. "Saudara Baru" Di Sabah: Isu Dan Permasalahan Masakini. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil 30. 140-160.
- Suraya Sintang. 2005. Sejarah Perkembangan Muallaf Di Sabah :Peranan Dan Sumbangan United Sabah Islamic Association (USIA). *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil I (2005) 51-90.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, Bil.46, No.2, 97-122.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusof Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra, Akmal Syazana Fauzan. 2017. Cabaran dan Permasalahan Muallaf dan Penyelesaiannya oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). *Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (ISRA' 2017)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Fatimah, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff. 2018. Cabaran dan implikasi pengurusan dokumentasi saudara baru. *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 2018*, 15 September 2018. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Sarip bin Adul. 2014. Sumber Pengetahuan Beragama dan Tahap Kefahaman Muallaf di Bahagian Pantai Barat Sabah. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Tengku Norhayati Tengku Hamzah. 2006. Saudara Baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran di Kota Bharu Kelantan. *Doctoral Dissertation*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Faiz Othman. 2017. Keutuhan Iman Sahabat Rasulullah. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/03/262726/keutuhan-iman-sahabat-rasulullah>